

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[LEMBAH PANTAI]**

**TARIKH JAWAPAN : 17 MAC 2014 (ISNIN)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:-

- (a) tarikh Pelan Utiliti kawasan Lembah Kelang yang dibekalkan kepada MRT Corp untuk kegunaan perancangan pembinaan MRT; dan
- (b) susulan kejadian paip pecah di Mutiara Damansara pada 15 Februari, adakah dokumen itu menggambarkan keadaan semasa kelengkapan utiliti di kawasan pembinaan.

perbincangan telah diadakan di antara pihak SYABAS, MMC-Gamuda dan Mudajaya supaya langkah-langkah sewajarnya diambil bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang pada masa hadapan.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI  
[ SIPITANG ]**

**TARIKH : 17 MAC 2014**

**SOALAN : 5**

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana kesan dan manfaat daripada langkah merekrut anggota Skwad Muda 1JPJ membantu penguatkuasa JPJ menjalankan pemeriksaan, bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tiga tahun yang lepas, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mula membuat *social engagement* dengan orang awam, khususnya semasa musim perayaan, supaya rakyat menjadi mata dan telinga JPJ untuk melaporkan kesalahan lalu lintas yang dilakukan oleh pengguna jalan raya. Inisiatif ini didapati berkesan dalam meningkatkan kesedaran tentang pemanduan berhemah dan pematuhan undang-undang di kalangan pengguna jalan raya selain memupuk semangat kesukarelaan di kalangan rakyat secara amnya.

Bagi meningkatkan lagi *social engagement* dengan orang awam, Kementerian Pengangkutan melalui JPJ telah menubuhkan Skwad Muda 1JPJ. Penubuhan ini adalah untuk mewujudkan satu komuniti yang peka terhadap isu-isu keselamatan jalan raya yang berperanan membantu Kerajaan dalam menjalankan advokasi dan kempen keselamatan jalan raya khususnya pada musim perayaan. Ahli skuad ini tidak akan dilibatkan dalam aktiviti penguatkuasaan, namun berperanan sebagai mata dan telinga JPJ dalam melaporkan kesalahan-kesalahan lalu lintas yang dilakukan oleh pengguna-pengguna jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada pelbagai inisiatif yang dilakukan oleh Kerajaan dari aspek advokasi, penguatkuasaan, kejuruteraan dan persekitaran, Pelancaran Skwad Muda 1 JPJ ini pada 26 Januari 2014 yang bertepatan dengan musim perayaan Tahun Baru Cina 2014 dilihat

sebagai langkah yang tepat dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya terutamanya pada musim perayaan. Ini terbukti dengan perangkaan daripada PDRM yang menunjukkan kes kemalangan jalan raya sepanjang Ops Selamat 4 telah menurun daripada 16,287 kes pada tahun lalu kepada 14,836 kes pada tahun ini dengan kadar penurunan kes kemalangan sebanyak 8.9%. Selari dengan penurunan ini, bilangan kematian juga telah menurun kepada 159 kematian berbanding 194 kematian pada tahun 2013 iaitu penurunan sebanyak 18.04%.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah Kerajaan melibatkan ahli skuad ini dalam Ops Tahun Baru Cina yang lepas merupakan suatu bentuk pendekatan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) di mana anggota penguatkuasa JPJ ditempatkan bersama ahli Skwad Muda 1JPJ di lokasi-lokasi yang dikenalpasti. Di samping anggota penguatkuasa JPJ yang menjalankan aktiviti penguatkuasaan, ahli skuad pula berperanan memberikan khidmat nasihat dan kesedaran keselamatan jalan raya.

Selain daripada aktiviti keselamatan jalan raya, ahli skuad Muda 1JPJ juga turut dilibatkan dalam aktiviti JPJ seperti program Satu Komuniti Satu JPJ (SKSJ) serta bantuan mangsa banjir di Kuantan dan Kemaman.